

Mahathir Dan Kebebasan Akhbar

Oleh MAZLAN NORDIN

SUATU kebiasaan para wartawan Malaysia yang tiada berlaku di negara-negara lain ialah menginterview Perdana Menteri atau timbalannya dan menteri-menteri pada setiap hari. Ini berlaku selepas apa jua acara rasmi. Setelah pak menteri berundur maka para pemberita yang membuat liputan segera mengerumunnya lalu mengajukan pelbagai pertanyaan, lazimnya mengenai hal-hal yang tidak berkaitan dengan acara rasmi tadi. Ada kalanya jawapan pak menteri kepada pertanyaan demi pertanyaan lebih hangat lagi dan mendapat tempat utama di muka satu akhbar esoknya; ucapan di majlis masuk ke muka dalam. Pun bertanyalah beberapa wartawan luar negara, khususnya Barat, yang bebas ikut serta. Di antara mereka ialah yang dipanggil 'wartawan payung terjun'. Mereka singgah dua tiga hari di Kuala Lumpur dan melaporkan tentang negara ini walaupun mereka tidak begitu arif mengenali Malaysia dan rakyatnya.

Kebiasaannya kewartawanan seperti itu tidak berlaku di Amerika, Britain dan lain-lain negara Eropah. Juga di negara-negara jiran seperti Singapura. Hal ini disebut bersabit anggapan negatif media Barat mengenai kebebasan akhbar di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dalam satu ucapannya di majlis anjuran Kelab Wartawan Kebangsaan pernah mengingatkan bahawa kebebasan akhbar sepenuhnya tidak wujud di negara-negara Barat dan liberal. Wartawan yang konservatif tidak mendapat kebebasan dalam akhbar sosiolis dan begitu juga sebaliknya.

Sementara itu surat pembaca yang mempersoalkan sikap sesebuah akhbar segera ditangkis oleh sang editor. Mengenai peranan media tempatan, Dr. Mahathir menghuraikan peranan mereka dalam masyarakat majmuk di Malaysia. Bahawa tanggungjawab mereka tidak terbatas kepada laporan tepat tetapi juga perlu sensitif dengan hubungan pelbagai kaum. Bahawa stabiliti politik dan amalan hidup bersama aman damai di kalangan pelbagai etnik berupa dua perkara yang mahu dipupuk dan dipelihara oleh kerajaan.

Bagi beliau keperluan-keperluan negara adalah lebih utama dan dalam hal ini

pihak akhbar dapat memberi sumbangan penting. Sebagaimana mereka boleh menghasut rakyat maka mereka juga boleh memupuk nilai-nilai yang membawa kepada kesejahteraan umum.

Malangnya, Dr. Mahathir menambah dalam satu majlis Hadiah Kewartawanan, ada pendapat bahawa kredibiliti sesebuah akhbar bergantung kepada sikap *adversary* terhadap kerajaan.

Dalam hal ini beliau menambah: "Ini tidaklah bererti bahawa pihak akhbar tidak boleh mengkritik dan menegur kerajaan. Di dalam negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti Malaysia, kritikan dan teguran terhadap kerajaan amatlah penting untuk menentukan penyalahgunaan kuasa tidak mudah berlaku dan segala dasar dan tindakan kerajaan membawa kebaikan kepada rakyat dan negara. Tetapi menidakkan yang baik hanya kerana kononnya ingin mempertahankan kebebasan dan kredibiliti dan mungkin kerana kepentingan komersial sebenarnya mencabul hak dan kebebasan yang diberi kepada akhbar.

Mengulas mengenai *the right to know*, beliau memberi pendapat: "Janganlah terlalu fanatik. Ada kalanya lebih baik jika sesuatu berita itu tidak disebar. Oleh kerana tidak mungkin kita menyebarkan semua berita, kita terpaksa memilih. Apa sahalnya jika kita memilih berita yang membina daripada hanya boleh membawa keburukan walaupun kononnya berita yang buruk lebih menarik daripada berita yang baik... Apakah dengan mengutamakan larisnya jualan akhbar, kita tidak sama tamak dengan peniaga yang hanya mengutamakan keuntungan?"

Rupa-rupanya kecaman pihak Zionis dan penyokong mereka terhadap Dr. Mahathir seperti yang berlaku sekarang bukan perkara baru. Ini disebut dalam satu majlis lain pada tahun 1986: "Sebenarnya semua media dikongkong oleh pihak-pihak tertentu. Kebanyakan daripada media antarabangsa yang terkenal, umpamanya, dikuasai oleh orang-orang Yahudi yang sekarang menjadi warganegara banyak negara Barat. Mereka menjadi pemilik atau mengang jawatan penting termasuk penanggang dan wartawan. Akibatnya, akh-

bar-akhbar ini tidak bebas tetapi terpaksa tunduk kepada kepentingan Zionis."

Wajar dicatat dalam konteks masyarakat majmuk Malaysia ialah peranan sekian banyak akhbar dalam majalah bahasa Cina. Kerana itu persaingan di antara mereka hebat sekali dan amalan-amalan 'tidak sihat' boleh berlaku seperti yang terjadi di negara-negara Barat. Laporan-laporan yang sensasi, tidak tepat dan berat sebelah disiarkan. Yang penting bagi mereka ialah keuntungan dan melariskan jualan akhbar.

Bebas atau tidak? Pertanyaan ini terus diajukan. Pendapat Dr. Mahathir diulangi dalam sidang antarabangsa akhbar-akhbar Cina pada tahun 1990: "Akhbar-akhbar di Malaysia memang bebas. Tetapi ini adalah sesuatu yang dinyatakan oleh kerajaan. Maka tiada kesempatan untuk pihak akhbar menyetujui apa yang dikatakan itu."

Berucap dalam bahasa Inggeris beliau menambah, "But the fact that the press can say that press is not free means that the press is free. If is not free, then it will only echo what the government says. Paradoxically therefore a press is free when it says it is not free, and it is not free when it says it is free...."

Dalam membicarakan mauduk ini dapat dikatakan bahawa sebilangan sahabat Dr. Mahathir adalah wartawan. "Some of his best friends are journalists," kata si Comel.

Perbincangan dan debat akan berterusan di waktu kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Di samping itu, kebiasaan para wartawan Malaysia mengerumuni dan menyerang hendap pak menteri bagi menjawab aneka pertanyaan dan persoalan akan berterusan. Kerana ia juga menjadi ukuran dalam menilai peranan media Malaysia. □